
Risalah Wahabi Dan Al-Asya'ari
bONGkar
Dr Sulaiman Noordin

بِسْمِ اللهِّ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Perbezaan Antara Ahlus Sunnah Wal Ja'maah Dan Firqah Yang Menyimpang**.

1.Pendahuluan.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Irbadh bin Sariyah r.a. yang berkata

"Pada suatu hari kami solat bersama Rasulullah *sallalahu alaihi wasallam* ,kemudian beliau menghadap kepada kami dan memberikan sesuatu nasihat yang sangat mendalam, sehingga air mata bercucuran dan hati pun merasa terharu. Seseorang datang bertanya, "Wahai Rasulullah, rasanya seperti nasihat dan kata-kata perpisahan bagi kita. Maka apa saja wasiat Anda kepada kami"? Lantas Rasulullah *sallalahu alaihi wasallam* bersabda:

عن عرباض بن سارية قال صلى بنا رسول الله ذات يوم ثم أقبل علينا فوعظنا موعظة بليغة ذرفت منها العيون ووجلت منها القلوب فقال قائل يا رسول الله كأن هذه موعظة مودع فماذا تعهد إلينا فقال أوصيكم بتقوى الله والسمع والطاعة وإن تأمرعليكم عبدا حبشيا فإنه من يعش منكم بعدي فسيرى اختلافا كثيرا فعليكم بسنتي وسنة الخلفاء الراشدين تمسكوا بها وعضوا عليها بالنواجذ وإياكم ومحدثات الأمور فإن كل محدثة بدعة وكل بدعة ضلالة.

"Aku berwasiat kepadamu untuk bertakwa kepada Allah, tunduk dan taat, sekalipun orang yang memerintah terhadapmu budak Habasyi . Maka, sesungguhnya orang yang hidup setelah masaku sekarang pasti akan menemukan

*berbagai perselisihan*. Kerana itu, wajib bagimu berpegang teguh pada sunnahku dan sunnah Khulafa ur- Rasyidin yang telah mendapat hidayat. Peganglah itu olehmu dan gigit pula dengan gerahammu kuat-kuat. Ingatlah, berhati-hatilah kamu agar menjauhi perkara-perkara yang baru. Sesungguhnya semua yang baru adalah bid'ah, dan semua yang bid'ah adalah sesat".
(HR. Abu Dawud, Ibnu Majah dan al-Hakim di dalam kitab al-Mustadrak dan At-Tirmidzi berkata hadis hasan sahih dari al-Irbadh bin Sariyah).

Antara pesanan penting ditinggalkan oleh Nabi *sallalahu alaihi wasallam* adalah untuk:

i) Bertakwa kepada Allah Taala.
ii) Tidak melepaskan ketaatan kepada pemerintah baik atau fajir.
iii) Berpegang teguh kepada sunnah Nabi *sallalahu alaihi wasallam* dan Sunnah al-Khulafa ar-Rasyideen dan
iv) Menjauhi perkara baru yang diada-adakan dalam Agama.

.

Rasulullaalh *sallalahu alaihi wasallam* telah meramalkan berlakunya *banyak perselishan*. Umat dianjurkan untuk berpegang teguh kepada sunnah Nabi *sallalahu alaihi wasallam* dan sunnah Khulafa' ar-Rasyideen kerana ada penentang kepada As-Sunnah secara sangat kuat sehingga dipesan supaya untuk 'menggigit' as-Sunnah dengan geraham.

Sabda Nabi *sallalahu alaihi wasallam* dalam sebuah hadis masyhur**:**

افترقت اليهود على إحدى و سبعين فرقة ، فواحدة في الجنة و سبعين في النار ، و افترقت النصارى على اثنين و سبعين فرقة فواحدة في الجنة و إحدى و سبعين في النار ، و الذي نفسي بيده لتفترقن أمتي على ثلاث و سبعين فرقة ، فواحدة في الجنة و ثنتين و سبعين في النار ، قيل يا رسول الله من هم ؟ قال : هم الجماعة .

"Orang-orang Yahudi telah terpecah sebanyak tujuh puluh satu kelompok maka satu kelompok di syurga dan tujuh puluh di neraka dan orang-orang Nasrani terpecah sebanyak tujuh puluh dua kelompok maka satu di syurga dan tujuh puluh satu di neraka dan dengan nama Allah Umatku pasti akan terpecah menjadi tujuh puluh tiga kelompok, satu di syurga dan tujuh puluh dua di neraka. Para sahabat bertanya." "Siapa mereka wahai Rasulullah?" Baginda menjawab : mereka adalah al-Jama'ah. ( Silsilah as-Sahih al-Albani no.1492).
Dalam riwayat lain dalam sunan dan masanid yang menjelaskan makna " al-Jama'ah" tersebut. Rasulullah *sallalahu alaihi wasallam* bersabda **:**

قال : من كان على مثل ما أنا عليه اليوم وأصحابي

"Siapa yang mengikut seperti aku dan para Sahabatku hari ini." "Golongan Jama'ah adalah mereka yang berpegang dengan apa yang aku dan sahabatku berpegang dengannya**.** Sheikh Islam Ibnu Taimiyah rhm.berkata "Hadis ini hadis sahih yang masyhur". Di dalam sebuah athar dengan sanad yang sahih daripada Abdullah bin Mas'ud, beliau berkata "Golongan Al-Jamaah adalah mereka yang berada pada kebenaran walaupun kamu hanya seorang diri".(1)

Sheikh Izat yang menta'liq sunan Ibnu Majah berkata:"Al-Jamaah bermaksud apa yang selaras dengan Jamaah sahabat dari segi aqidah mereka dan berpegang kuat dengan fahaman mereka."(Hlm.1322)

Menurut Syeikh al-Albani, semua kelompok daripada kelompok Jahmiah, Khawarij, dan Muktazilah, Syi'ah ar-Rafidhah, Druziyah, Nushairiyah Al-Alawiyah dan yang lain yang sesat mengaku berpegang kepada Al-Quran dan as-Sunnah tetapi yang penting dan yang menjadi bukti adalah lihatlah kepada perbuatan mereka. Adakah ia berlandaskan kepada prinsip-prinsip Ahlus Sunnah wal Jamaah? Al-Jamaah ini disebut juga dengan nama 'Sawaadul A'dzam' atau sabilul mukminin .(2)

Berkata Abu Muhammad al-Hasan Al-Barbahaari rm. (Wafat. 329H)

“Semoga Allah memberi rahmat kepada kamu. Ketahuilah barang siapa berkata berkenaan ad-Deenullah ini daripada pendapat aqalnya sendiri, dari qias atau takwil tanpa hujjah daripada as-Sunnah dan al-Jamaah, sesungguhnya dia telah berkata sesuatu tanpa ilmu." (3)

> "As-Sunnah adalah sunnah daripada Nabi s.a.w dan Al-Jamaah apa yang sahabat-sahabat Nabi s.a.w bersepakat atasnya pada zaman Khilaafah Abu Bakar, Umar dan Uthman (sebelum pembunuhannya)."
>
> " Barang siapa mengikut landasan yang dipijak oleh para sahabat Nabi *sallalahu alaihi wasallam* dan al-Jamaah tanpa menambah atau mengurangkannya akan berjaya serta dapat kemenangan mengatasi ahlul Bida’ah kesemuanya. Kerana Nabi s.a.w telah bersabda (Umat ini akan berpecah..) dan telah menerangkan kepada kita siapa yang akan berjaya."

## 2. Takwil Batil dan Perpecahan Umat.

Selepas wafat Nabi s.a.w telah berlaku perselisihan yang banyak sepertimana di ramalkan khasnya di dalam masalah aqidah. Oleh itu Imam Ibnu Taimiyyah rhm. (661-718H).telah menulis buku untuk menolak teori-teori palsu ilmu kalam dari falsafah Yunani bertajuk ‘ *Dar’u Ta’arrud baina Akal wan Naqal*.’ (Menolak pertembungan antara aqal dan naqal ) dalam dua belas jilid. Begitu juga Imam Ibnu Jauziyah rhm.(691-723H) telah menulis buku untuk menolak takwil-takwil batil yang di buat oleh al-Muktazilah dan ahli kalam terhadap sifat-sifat Allah [untuk menyesuaikannya dengan teori failasuf ] bertajuk ‘*As-Sawaiq Al-Mursalah’* dalam empat jilid . Dalam sejarah, perpecahan bermula daripada timbulnya golongan as-Syiah yang benci kepada para Sahabat r.a.

Mereka mendakwa bahawa imam-imam mereka lebih tinggi darjatnya dari para anbia’.Selepas itu timbul firqah al- Khawarij yang tidak taat kepada pemerintah Ali dan Muawiyah ra. Selepas itu timbul firqah al-Jahmiyah yang menafikan sifat-sifat Allah Ta’ala dan nama-namanya.

Selepas itu timbul golongan al-Muktazilah yang mempuyai Usool Iman yang lima yang tersendiri. Selapas itu timbul firqah al-Kullabiyah yang mencipta takrif baru berkenaan kalam Allah. Iaitu kalam Allah terbahagi kepada dua jenis, *jenis kalam nafsi* dan jenis *kalam lafzi*. Selepas itu timbul firqah al-Asya'irah dan Maturidiyah dan yang lain-lain.

Perpecahan umat daripada dalam adalah antara sebab-sebab berlakunya peperangan Salib sepanjang 200 tahun lamanya(1200-1400M). Selepas itu berlaku serangan Tatar yang mendapat bantuan daripada seorang wazir beraliran Syi'ah bagi Khalifah Abbasiyah bernama Ibnu Ahmad al- Aqlami.Beliau membantu kemasukan orang-orang Tatar ke Baghdad pada tahun 656H. Pengkhinatan frqah-firqah Syiah berlaku secara berpanjangan pada setiap zaman. Syiah Fatimiyah yang memerintah negeri Mesir hingga ke Moroko selama 250 tahu sentiasa telah bemusuh dengan Ahli Sunnah dan mengembangkan golongan Syiah.

Syiah Qaramitah di Bahrain telah membunuh jamaah Haji pada tahun 317H dan mencabutkan Hajar Aswad dan menyimpannya selama 22 tahun hingga ke tahun 339H. Syiah Buwaihiyah yang menyebabkan jatohhnya Bagdad kepada pemerintahan Ad-Dailan As-Syi'i pada tahun 334H selama 100 tahun.
Di halaman muqaddimah buku Ibnu Qayyim 'As_Sawaiq al-Mulsalah" berkata: "Di Baghdad terdapat ahli Sunnah, As-Syiah, Nasrani, Yahudi dan antara mereka perselisihan yang banyak, Allah sahaja yang ketahui,"

Menurut Imam Ibnu Khuzimah (222-311H) dalam 'Kitab Tawhid Dan Ithabat As-Sifat Ar-Rab': " Firqah al- Jahmiyah membuat takwil batil atas sifat-sifat Allah seperti (istawa' ke istawla). Nuzul(turun) Allah di takwilkan ke nuzul perintah atau nikmah dan takwil-takwil yang lain".

## 3: Tiga Khalifah Al-Abbasiyah Menaja Mazhab Muktazilah Al-Jahmiyah.

Menurut Dr. Muhammad Amin Ibnu Ali Al-Jami pada zaman tiga Khalifah Abbasiyah, iaitu Al-Makmun (218H), Al-

Muktasim (227H) dan Al-Watiqah (232H) ulama Al-Muktazilah (ahli Kalam) telah berjaya meempengaruhi pemikiran Sultan untuk menyeru kepada mazhab al-Muktazilah dengan paksaan undang-undang.

Pegawai - pegawai mahkamah,para Qadhi, ustaz-ustaz, para ulama dan orang awam dipaksa untuk mengikuti mazhab ahli kalam jika tidak akan dipenjara,dipukul atau dibunuh. Imam Ahmad dan tiga ulama yang lain tidak bersetuju dengan mengatakan 'Al-Quran itu makhluk'. Ketua hakim negara pada masa itu bernama Ibnu Abi Du'aad adalah pengerak utama dan pembahas bagi pihak Khalifah.(4)Imam Ahmad telah dipenjarakan selama enam belas tahun.

Peristiwa fitnah al- Quran makhluk ini kadang kala dikenali dengan nama mehnah(fitnah) besar. Al-Muktazilah mentakwilkan zahir sifat-sifat Allah supaya selaras dengan teori batil mereka.Takwil seperti itu tidak diketahui oleh para Sahabat. Sepatutnya para Sahabat lah yang lebih faham dengan bahasa Arab, lebih teguh dengan agama Islam dan lebih ikhlas didalam menasihati. Allah telah memuji mereka di dalam surah At-Taubah (Ayat 100). Rasulullah *sallalahu alaihi wasallam* telah mengatakan bahawa para Sahabat adalah sebaik-baik manusia jika dibandingkan dengan generasi selepas mereka..

Perselisihan manhaj as-Khalaf dengan manhaj as-Salaf di dalam perkara takwil ayat sifat Allah adalah perselisihan asas dalam ilmu tauhid. Ia bersabit dengan rukun iman yang pertama . Iaitu beriman dengan Allah dan RasulNya. Ilmu berkaitan dengan makrifatul Allah adalah ilmu yang paling penting dan wajib dalam Islam .(5) Perselisihan di dalam perkara sifat-sifat Allah berpanjangan setiap zaman sehingga ke hari ini. Perbuatan Al- Khalaf menyelisihi firman Allah Taala dan hadis-hadis Rasulullah *sallalahu alaihi wasallam* Firman Allah Taala:

مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

"Tidaklah kami terlupa atau tertinggal sesuatu di dalam al-Quran" (Al-An'am,6:38).

Semua yang diperlukan oleh manusia di dalam agamanya sudah ada di dalam al-Quran.
Firman AllahTaala:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الإِسْلاَمَ دِينًا

"Pada hari ini telah kusempurnakan untuk kamu agamamu."(Al-Maidah,5:3)
Imam Malek rhm.Jika sekiranya hari itu ia bukan sebahagian daripada agama maka selepas hari itu ia tidak akan termasuk dalam urusan agama.

Nabi *sallalahu alaihi wasallam* telah bersabda :

قالَ رَسُولُ اللهِّ صَلَّى اللهُّ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ .
وفيَ صحيح مسلم - (ج 9 / ص 118

"Barang siapa yang membuat sesuatu yang baru ia adalah tertolak" (H.R.Sahih Muslim)

عن عمرو ابن أبى عمرو عن المطلب ان رسول الله صلى الله عليه وسلم قال ما تركت شيئا مما امركم الله به الا وقد امرتكم به ولا تركت شيئا مما نهاكم الله عنه الا وقد نهيتكم عنه .
(السنن الكبرى للبيهقي - (ج 7 / ص 76

Daripada al-Mutallib Rasulullah s.a.w. bersabda: "Aku tidak meninggalkan sesuatu yang diperintah oleh Allah melainkan aku telah menyuruh kamu membuatnya…"
(Di Sunan al-Kubra al-Baihaqi).

Allah telah menerangkan segala yang manusia perlukan di dalam agamaNya dan agama Islam telah di sempurnakan.Nabi *sallalahu alaihi wasallam* telah menerangkan semuanya dan tidak meninggal sesuatu yang diperintah oleh Allah melainkan Nabi telah menyuruhnya dalam agama supaya manusia tidak kesesatan.

Bagaimanakah boleh al- Muktazilah dan kawan-kawan mereka membuat perkara baru di dalam persoalan agama yang para Sahabat tidak mengajarnya berkaitan dengan usool yang paling utama iaitu makrifatul Allah.? Berikut adalah satu dialog berkaitan dengan mereka yang mengadakan perkara baru di dalam agama.

## 4.Dialog Antara Al-Qadhi al-Muktazili dengan Imam al-Azri As-Sunni. (6)

Berikut adalah satu perbicaraan antara Al-Qadhi Ibnu Abi Dua'ad al-Muktazili dengan Syeikh Abdullah Al-Azri guru kepada Imam Abu Daud dan At-Termizi . Pada akhir perbahasan Sheikh Abdulah Al-Azri mengutarakan tiga soalan kepada Ibnu Abi Dua'at di hadapan Al-Khalifah Al-Watiqah(232H).

**Soalan pertama:**

"Adakah Rasulullah *sallalahu alaihi wasallam* menyorokkan (sengaja tidak beri tahu) daripada umatnya sebarang perkara yang dituntut oleh Allah Azza Wajal dalam ajaran agama?"

**Soalan kedua:**

"Apabila Allah Taala berfirman:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الإِسْلاَمَ دِينًا

"Pada hari ini telah kusempurnakan untuk kamu agamamu.".

"Adakah Allah bercakap dengan benar berkenaan kesempurnaan agamaNya? Ataupun kamu yang berckap benar berkenaan ketidak sempurnanya agama Nya hingga kamu boleh mendatangkan perkara-perkara baru ini?"

**Kedua-dua soalan tersebut tidak dijawab oleh Ibnu Abi Du'aad al-Muktazili.**

**Soalan ketiga**:

"Beri tahu saya 'Adakah Rasulullah *sallalahu alaihi wasallam* mengajar apa yang kamu katakan atau Rasulullah tidak tahu berkenaannya." Ibnu Abi Du'aad menjawab: "Mengajarnya." Imam Ahmad rhm. bertanya : "Mengapa kamu menyeru manusia kepada perkara yang baru ini yang Rasulullah tidak menyuruhnya?"

Ibnu Abi Du'aad tidak menjawab.

Berkata Dr. Helmy: "Dialog tersebut menerangkan bagaimana **al-Muktazilah** menjadikan aqidah mereka berpusat kepada 'makhluknya al-Quran' dalam akidah sehingga menguji tahanan – tahanan orang Islam atasnya. Seolah-olah mereka menambah kepada Islam asas baru selepas ia sudah disempurnakan. Ayat al-Quran tersebut di atas telah memberi kesan positif dan kata putus kepada perbincangan berkenaan perkara 'al-makhluknya al-Quran' atau tidak"

**5. Pelajaran.**

Al Muktazilah dan rakan-rakan mentakwilkan ayat-ayat sifat Allah yang zahir secara salah dari segi bahasa, akal dan nas. Ia juga bertentangan dengan fahaman para Sahabat. Daripada peristiwa 'fitah besar' tersebut boleh dibuat beberapa kesimpulan:

i) Golongan bid'ah telah mewajibkan mazhab mereka atas orang awam menguna kuasa daripada atasan iaitu kuasa Khalifah.

ii) Mereka menuduh ahlis Sunnah wal Jamaah sesat malah meyuruh mereka bertaubat kerana 'berdosa besar' menganggap bahawa 'al-Quran kalamullah' dan ' al-Quran bukan makhluk'.

iii) Pada zaman Khalifah Makmoon banyak buku-buku falsafah Yunani telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab kerana ia mendapat galakan dari Khalifah.

iv) Fakta-fakta tersebut diatas telah banyak membantu tersebarnya mazhab batil ilmu kalam ini hingga hari ini.

## 6. Dharurah Menerangkan Aqidah Ahlis Sunnah Wal Jamaah (7)

Adalah menjadi keperluan semasa untuk para dai menumpukan perhatian mereka kepada perkara aqidah oleh kerana sebab-sebab berikut:

- Aqidah as-Salaf as-Soleh adalah aqidah yang wajib diikuti menurut al-Quran dan as-Sunnah.
- Aqidah menurut fahaman para Sahabat adalah aqidah yang lebih selamat, lebih kukuh dan lebih ahkam.
- Aqidah inilah yang dapat pertolongan dari Allah Taala sebagai Firqah al-Mansurah.
- Aqidah ini mampu menyatukan umat.
- Semua mazhab yang menyeru kepada mentakwil sifat Allah Taala secara menyeluruh atau sebahagiannya adalah mereka yang mengikuti teori Ilmu kalam falsafah dari luar Islam.
- Mazhab-mazhab ilmu kalam memainkan peranan besar mengelirukan manhaj dan Aqidah Ahlus Sunnah wal Jamaah dan menenggelamkan aqidah As-Salaf As-Soleh hingga ke hari ini.

## 7. Ulama Ahlus Sunnah Bangkit menulis Kitab-Kitab Tawhid.

Ramai ulama Ahlus Sunnah bangkit menulis buku-buku menerangkan aqidah yang sebenar sejak masa Imam Ahmad r.a. lagi. Umpamanya:

1. Kitabus Sunnah oleh Imam Ahmad (287H).
2. Kitab At-Tawhid oleh Ibu Khuzaimah (23-311)
3. Syarah Ushul I'tiqaad Ahlis Sunnah oleh Al-Laakai (428H) dan banyak yang lain-lain. Ramai juga ulama-ulama As-Sunnah menulis buku-buku membantah fahaman-fahaman batil terdapat dalam mazhab Syiah, Jahmiyah, Muktazuilah , Kullabiyah, Asya'irah, Hululiyah, dan Wehdatul wujud seperti:

- Ar-Rad alal Jahmiyah wa-Zanaadiqah oleh Imam Ahmad Hanbal (241H)

- Al-Haidah oleh Syeihkh Abdul Aziz al-Kannani. (240H)

- Ar-Radd ‘ala Bisyri al- Marisi oleh ‘Uthman ibnu Said ad-Darimi (280H)
- Aqidah at-Tahawiyah oleh Abu Jaaafar Ahmad al-Tahawi (322H)
- Dar’u At-Ta’arrud Al-Aqal Wan Naqal oleh Ibnu Taimiyah dalam 12 jilid (661-718H)
- As-Sawiq al-Mursalah ala Jahmiyyah wal Muktazilah oleh Ibnu Qaiyyum al Jawziyyah (691-769H) dalam empat jilid.
- Kitab at-Tawhid oleh Muhammad Ibnu Abdul Wahab (1110-1206H)
- Al-Uluw lil- Aliyu Al-Ghaffar oleh As-Syamsu Ad-Din Az-Zahabi (m.748H)
- Syarah Al-Qawaid al-Muthla Fi Sifat Allah Wa Asmaihi Al-Husna oleh Imam Ibnu Soleh Al-Utaimiin (1347-1421H) dan banyak yang lain-lain.

Buku-buku tersebut menolak fahaman-fahaman yang disebarkan oleh al-Jahmiyah, mazhab –mazhab ilmu Kalam , failasuf, Batiniyyah dan as-Sufi .

## 8. Pembahasan Al-Quran Kalamullah Atau Makhluk

Menurut Ahlus Sunnah Wal Jamaah: Al- Quran adalah kalamullah. Allah disifati dengan sifat berbicara (kalam) secara hakiki dengan suara dan huruf sesuai dengan keagonganNya .
Allah.s.w.t. bertutur dengan huruf dan suara, boleh didengar tetapi tidak serupa dengan cara makhluk. Allah berkata bila masa Dia hendaki. Dalilnya adalah seperti berikut:

وَكَلَّمَ اللهُ مُوسَى تَكْلِيمًا

“Allah telah berbicara kepada Musa dengan langsung “( An-Nisaa’4:164)

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَى لِمِيقَاتِنَا وَكَلَّمَهُ رَبُّهُ

‘Dan tatkala Musa datang pada waktu yang telah Kami tentukan Tuhannya telah berbicara langsung kepadanya”( al-A’raaf 7:143).

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلامَ اللهِ

“Dan jika seorang di antara orang-orang musyrikin itu meminta perlindungan kepadamu, maka lindungilah ia supaya ia sempat mendengar kalam Allah” (At-Tawbah,9:100)

يَا مُوسَى إِنِّي أَنَا اللهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

‘ Ya Musa, sesungguhnya Aku adalah Allah, Tuhan semesta. “(Al-Qashash,28:30)

`

Ayat-ayat tersebut di atas menunjukkan bahawa Allah Taala berbicara terus dengan Nabi Musa a.s. apabila Dia hendaki, dengan suara dan huruf. Allah telah menamakan al-Quran sebagai kalam Allah.

Al- Quran bukan makhluk.Tetapi mengapakah Al-Khalaf mendakwa bahawa al-Al-Quran makhluk atau kalam ‘lafzi’? Mereka menafikan Allah mempunyai sifat kalam yang bersuara dan berhuruf**.** Al-Kullabiyah berkata Allah berbicara dengan kalam nafsi yang bererti makna sahaja. Tetapi istilah seperti ini tidak di ajar oleh para Sahabah ra.

Mengapakah mereka perlu mengadakan perkara yang baru seperti ini dalam aqidah? Sebabnya ialah asas fahaman mereka berkenaan kewujudan Allah adalah melalui teori sifat baru (hudus) di sisi makhluk . Dan Allah Taala bersifat qadim azali. Sifat-sifat qadim bagi Allah adalah sifat di sisi Allah yang bersatu denganNya dan tidak terpisah daripadaNya. Dengan ertikata lain segala sifat baru adalah suatu zat yang baru terpisah dari Allah Taala. Maka mustahil bagi Allah bersifat baru. Teori-seperti ini bersumber daripada pemikiran failasuf Yunani seperti Aristotle, Pluto dan Democritus.

Asas  teori mereka adalah seperti berikut:

- Segala yang bersifat baru mempunyai bentuk (Jisim), arah, rupa dan mengisi ruang.
- Setiap yang berbentuk mempunyai sifat-sifat baru sampingan seperti warna,  rupa, berat, memenohi ruang, boleh bergerak dan lain-lain.
- Yang mempunyai sifat-sifat baru  (a'rad) bukannya Pencipta yang Maha Agong.
- Pencipta tidak mempuyai sebarang sifat baru . Khasnya sifat zat seperti wajah, tangan, kaki atau mata. Atau sifat perbuatan seperti datang, turun, naik, marah, ketawa dan berbicara. Allah bersifat maknawi . Al-Asyairah mengambil TUJUH jenis sifat maknawi sahaja seperti ilmu, hidup, qudrah, iradah dan kalam nafsi. Imam muktabar mana yang boleh menghadkan tujuh sifat ini dalam usool ad-Din tanpa dalilnya?

Atas dasar teori mantiq Yunani ini, ayat-ayat sifat Allah ditakwilkan kepada makna yang sesuai bagi teori itu.

## 9. Mengenal Allah Ta'ala Melalui Tawhid Asma' was Sifat.

Ahlus Sunnah Wal Jamaah menetapkan sifat-sifat Allah daripada khabar yang diterima daripada Allah Taala berkenaan diriNya sendiri dan apa yang diberi tahu oleh RasulNya *sallalahu alaihi wasallam* tanpa menambah atau mengurangkannya. Beriman dengannya wajib.
Para Sahabat r.a. faham maknanya tetapi tidak mengetahui 'Bagaimana?Sifat Allah Taala adalah sesuai dengan sifat keagongaNya dan kesempurnaanNya. Allah Taala tidak meyerupai makhlukNya.. Tiada sesuatupun setara  denganNya. Firman Allah Taala.:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

"Tiada sesuatu pun yang serupa dengan Dia dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat" ( Asy-Syuura,42:11).

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ

"Dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia" (Al-Ikhlash,112:4)

Al- Khalaf menafikan sifat-sifat Allah secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya. Ahli Kalam menafikan sifat berbicara bagi Allah kerana ia dianggap sebagai sifat baru . Barang siapa menetapkan sifat berbicara dengan huruf dan suara bagi Allah , dia dituduh sebagai 'mujassim', merupakan Allah seperti makhluk.

Yang betul adalah Allah berbicara sesuai dengan sifat keagongannya, bila masa Dia hendaki, tanpa perantaran dan boleh didengar.

Satu perbahasan yang menarik telah ditulis oleh Imam Ahmad ra. untuk menolak fahaman al-Jahmiyah dan selepasnya al-Kullabiyah yang membuat penembahan mengatakan bahawa Allah tidak boleh bercakap dengan suara dan huruf. Kerana bagi Al-Kulabiyah kalam ada dua jenis, kalam nafsi tiada bersuara atau huruf. Dan kalam lafzi kalam makhluk yang berhuruf dan bersuara.

Berkata Imam Ahmad r.a. : "Adakah betul untuk mengatakan selain daripada Allah yang berkata :(8)

يَا مُوسَى إِنِّي أَنَا اللهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

' Ya Musa, sesungguhnya Aku adalah Allah, Tuhan semesta. "(Al-Qashash,28:30)

فَلَمَّا أَتَاهَا نُودِيَ يَا مُوسَى (11) إِنِّي أَنَا رَبُّكَ

"Maka ketika dia datang ke empat api itu, ia dipanggil: Hai Musa. Sesungguhnya Aku inilah Tuhanmu" (Thaaha,20:11-12).

Barang siapa beranggapan yang berbicara itu bukan Allah telah beranggapan bahawa selain daripada Allah mendakwa Ar-Rububiyyah (sebagai Tuhan) sebagaimana Jaham Ibnu Sofwan beranggapan. Jaham pernah berkata:

" Yang berkata-kata kepada Nabi Musa itu adalah seekor belalang."

Bermakna Allah mencipta kalam nya disisi belalang untuk didengarkan kepada Nabi Musa a.s!

Diriwayatkan daripada Adi Ibnu Hatim r.a. didalam Sahih Bukhari dan Muslim, Rasulullah bersabda:

ما منكم من احد الا سيكلمه ربه ما بينه و بينه ترجمان

"Tiadalah seseorang daripada kamu melainkan Allah akan berbicara dengannya tanpa ada penterjemah"

Setelah itu Imam Ahmad rhm. berkata:

"Kamu (al-Jahmiyah) telah membuat suatu pembohongan yang sangat besar apabila mengatakan Allah tidak berkata-kata. Kamu merupakan Allah seperti (ukiran) patung yang kamu sembah selain Allah kerana patung tidak berbicara, tidak boleh bergerak dan tidak boleh turun dari satu empat ke satu tempat." (9)

10 **.Perkembangan Mazhab Al-Jahmiyyah dan Al-Muktazilah.(10)**

Pada zaman Khalifah Makmoon (218H) terdapat seorang pakar ahli kalam bernama Muhammad Ibnu Kullab al-Qattan Al-Basri (m.240H). Beliau adalah pengasas Mazhab Kullabiyyah. Beliau membantah mazhab Al-Jahmiyyah dan al-Muktazilah kerana beliau menetapkan sifat zat Allah seperti muka, tangan, mata, dan wajah. Sedangkan sifat-sifat ini ditakwilkan oleh al Jahmiyyah dan al Muktazilah. Ibnu Al- Kullab juga menetapkan sifat Al-Uluwu (ketinggian) bagi Allah di atas arasyNya. Sungguhpun begitu Ibnu al-Kullab tetap menolak sifat fi'il (pergerakan ) bagi Allah Taala.

Oleh kerana pemikiran Al- Kullab ini lebih dekat kepada kepercayaan as-Salaf dia dipandang lebih baik daripada kumpulan ahli kalam yang lain. Oleh itu dia dituduh oleh Al-Jahmiyaah sebagai gulongan as-Salaf atau al-Hasyawiyah. Imam Abu Hasan Al-Asyari rhm.telah mengikuti aliran Ibnu Al-Kullab ini satu ketika waktu sebelum beliau berhijrah ke Baghdad.

Di Baghdad Imam Abu Hasan Al-Asyari (300H) telah terpengaroh dengan penuntut-penuntut Imam Ahmad r.a. Beliau menjadi pengikut aliran Salaf serta menulis buku menerangkan aqidah ahlus Sunnah dan menentang fahaman ahli kalam termasuk Kullabiyah.

Mengikut sejarah kerana nama Imam al-Asyari adalah lebih masyhur daripada nama Ibnu Kullab (m.240H), aliran Ibnu Kullab itu telah lama kelamaannya bertukar labelnya hingga ia dinisbahkan kepada aliran Al-Asy'ariyah. Pada hakikatnya kumpulan Al-Asy'ariyah pada zaman itu bukannya pengikut Al- Imam al-Asy'ari. (11)

Di dalam buku 'Al-Ibanah" ditulis oleh Imam Abu Hasan al-Asy'ari sendiri beliau mengistiharkan dirinya sebagai pengikut Imam Ahmad Ibnu Hanbal rhm.

## 11. Ibnu Kullab dan Bid'ahnya dalam Sifat Kalam.

Ibnu Kullab telah membuat suatu inovasi yang unik dalam ilmu kalam yang telah diterima pakai oleh ramai ahli kalam hingga hari ini.. Beliau telah mencipta satu istilah baru membahagikan kalam Allah kepada dua bahagian. Satu bahagian dinamakan kalam nafsi dan bahagian kedua dinamakan kalam lafzi. Kalam **nafsi** adalah diertikan sebagai makna tanpa huruf dan suara, berdiri disisi zat Allah. Kalam **lafzi** adalah kalam **nafsi** yang ditadbirkab oleh pehak kedua (penterjemah) untuk menjadikan kalam **nafsi** itu didengari dan difahami. Kalam **lafzi** ini mengandongi suara dan huruf. Menurut teori Ibnu Kullab kalam nafsi adalah sifat yang bersatu dengan zat Allah yang qadim dan tidak terpisah daripadaNya. Kalam nafsi ini termasuk dalam jenis maknawi serupa dengan sifat maknawi yang

lain. Ia tidak boleh digambarkan berbentuk tetapi wujud. Kalam nafsi perlu ditadbirkan oleh penterjemah iaitu Jibrail atau para Rasul untuk dijadikan kalam lafzi.

Kalam lafzi ini dikatakan **makhluk**.(12) Sebaliknya kalam nafsi disisi zat Allah bukannya makhluk dalam ibarat yang lain kalam nafsi adalah Allah. Ibnu Kullab telah sebenarnya menyelesaikan masalah *sifat kalam* di sisi al-Muktazilah. Al-Muktazilah menafikan sifat kalam bagi Allah **secara total** . Penafian ini sukar untuk diterima oleh akal yang sehat, fitrah yang tidak rosak, pengalaman dan nas.

Teori Ibnu Kullab ini hampir serupa dengan teori al-Muktazilah berkaitan dengan haqiqat iman, Kata mereka iman adalah apa yang dipercayai di dalam hati. Yang zahir daripada perbuatan anggota badan (amalan) adalah tanda-tanda (manifestasi) haqiqat itu. Amalan bukan sebahagian daripada sifat iman. Rekaan ini tidak bersumber dwal Jamaah iaitu iman adalah iktiqad dan amal. Amalan soleh boleh menambah iman.

Ibnu Kullab berkata:

“Kalam adalah makna di sisi Allah dan al-Quran yang ada pada kita terbentuk sebagai suatu HIKAYAT YANG MENTADBIRKAN MAKNA ITU.”(13)
Ibnu Kullab (240H) telah menyandarkan teorinya kepada kata-kata seorang penyair Kristian bernama ‘Akhtar’ yang berbunyi:

ان الكلم لفي الفواد وانما جعل اللسان على الفواد دليلا

“ Sesungguhnya berbicara itu adalah di sisi hati.Dan lidah dicipta untuk mentadbirkan apa yang ada di sisi hati.”.(14)

Akhtal mempunyai satu dewan atau buku syair, tetapi pengkaji-pengkaji tidak jumpa ungkapan tersebut di atas di dalam dewannya. Masalahnya ialah: Bagaimanakah Ibnu Kullab boleh menyandarkan doktrinnya kapada seorang penyair Kristian?

Sedangkan beliau menolak ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis sahih untuk melakukan takwil dengan alasan [kononnya] untuk mensucikan Allah daripada sifat makhluk? Disisi al-Muktazilah akal diutamakan daripada wahyu jika terdapat pertembongan makna. Mereka tidak menerima hadis ahad dalam isu aqidah. Tetapi dalam isu sifat Allah [yang sangat penting ini] penyair 'Akhtar' Kristian dijadikan untuk sandaran! Kita menghindu sesuatu yang tidak kena. Ibnu Kullab hendak membawa kita masuk ke lubang biawak.

## 12. Isu Kafir Mengkafir.

Isu kafir mengkafir dan isu fitnah besar yang timbul pada zaman Imam Admad rhm. bersumber daripada teori kalam lafzi dan kalam nafsi Ibnu Kullab bersesuaian dengan falsafah Aristotle.
Di dalam buku *Tawdhih At-Tawhid Al-Asyairah* oleh Hussein Misri. Juz2, halaman 38 terdapat ungkapan sepeti berikut:(15)

"Barang siapa mendakwa bahawa al-Quran itu bukan kalam Allah dia kafir, melainkan jika dia *bermaksud* bahawa ia *bukan* bersifat kalam kadim berdiri dengan zat."

Ayat yang kedua menjelaskan makna *kalam* yang di sebut di ayat yang pertama. Iaitu:

Seseorang itu tidak dianggap kafir jika dia bemaksud al-Quran itu bukan kalam nafsi." Atau dengan ibarat yang lain: Kalau seseorang itu berkata al Quran itu bukan kalam lafzi (makhluk) dia kafir." Bermakna: 'Al-Quran itu makhluk. Barang sesiapa mendakwa sebaliknya dia kafir.'

Disini didapati ada dua pilihan samada Al-Quran itu makhluk (kalam lafzi) atau Al-Quran itu kalam nafsi [disisi ahli Kalam]. Kalam nafsi terdiri di sisi Allah *tergabong denganNya tidak boleh dipisahkan daripadaNya*. Maka kalam nafsi itu sendiri ialah Allah [menurut mantiq ilmu Kalam].

## 13. Keterangan oleh Imam Ahmad rhm.

Di dalam perbahasan atas tajuk yang sama Imam Ahmad rhm.telah mentadbir masalah al-Quran makhluk dalam bentuk yang lebeh

tepat. Imam Ahmad rhm dalam bukunya *Ar Rad alal Jahmiyah* di dalam tajuk kecil:

*'Membantah kepada siapa mendakwa bahawa al-Quran itu Allah atau bukan Allah'*:

" Si Al Jahmi bertanya berkenaan al-Quran. Adakah ia Allah atau bukan Allah. Apabila ditanya kepada seorang yang jahil berkenaan al-Quran: Adakah ia Allah atau bukan Allah? Terdapat dua jawapan. Jika dia menjawab ia Allah. Si penjawab dikafirkan. Jika dia menjawab ia bukan Allah. Dikatakan kepadanya: Kamu berkata benar. Mengapakah yang bukan Allah itu *tidak* dikatakan makhluk? Maka terlintas di dalam hati si jahil apa yang dikehendaki oleh al-Jahmi.

Soalan daripada Al-Jahmi ini merupakan masalah kecelaruan pemikiran mereka.

Kita menjawab kepada al-Jahmi: Allah Taala tidak berfirman di dalam al-Quran bahawa: 'al-Quran ini Ana' atau 'bukan Allah'. Allah berkata : Dia *kalam Aku*. Maka kita menamakannya dengan nama yang diberikan oleh Allah baginya. Maka kita berkata : *Kalam Allah* .

Barang siapa menamakan al-Quran dengan nama yang dinamakan Allah dengannya maka dia adalah daripada orang yang mendapat petunjuk. Barang siapa menamakannya dengan nama selain daripadanya dia adalah daripada orang sesat". Demikian kata Imam Ahmad rhm.(16)

## 14. Kalam Nafsi Dari Segi Nas.

Kalam nafsi tidak membatalkan solat , kerana kalam nafsi adalah apa yang an-nafs berkata-kata di dalam hati. Maka secara ijmak( bersepakat) ulama bahawa apa yang berkata di sisi nafs bukan KALAM DI SISI bahasa DAN syarak.(17)

Dari segi syarak kalam BERMAKNA berbicara dengan manusia dengan bahasa Arab dan ia adalah bahasa al-Quran. Maka istilah KALAM adalah apa yang mengandongi huruf dan suara.

Sabda Rasulullah *sallalahu alaihi wasallam*

عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ الْحَكَمِ السُّلَمِيِّ قَالَ قَالَ إِنَّ هَذِهِ الصَّلَاةَ لَا يَصْلُحُ فِيهَا شَيْءٌ مِنْ كَلَامِ النَّاسِ - صحيح مسلم - (ج 3 / ص 140)

“Sesungguhnya solat kita ini tidak sah jika ada dalamnya daripada kalam manusia.” (Sahih Muslim dari Muawiyah Ibnu Hakim)
Dan Sabda Nabi *sallalahu alaihi wasallam*

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ اللهَ تَجَاوَزَ عَنْ أُمَّتِي مَا حَدَّثَتْ بِهِ أَنْفُسَهَا مَا لَمْ تَعْمَلْ أَوْ تَتَكَلَّمْ صحيح البخاري - (ج 16 / ص 316)

“Sesungguhnya Allah membolehkan bagi umatku apa yang berbisik disisi nafsnya apa yang dia tidak buat atau bercakap darinya.”( Hadis Al-Bukhari dari Abi Hurairah ra.)
Maka takrif baru yang dibuat oleh Ibnu al-Kullab perlulah di tolak kerana ia perkara baru dalam asas aqidah yang datang selepas zaman yang terbaik. Ia juga telah menyebabkan berlakunya fitnah yang besar pada zaman Imam Ahmad Ibnu Hanbal rhm. Fitnah ini maseh dibawa oleh ahli bid’ah dan ahli kalam hingga hari ini yang menyebabkan perselisehan di dalam aqidah berpanjangan

Wallahu a’lam bissawaab.

Sulaiman Noordin
1Mei 2010

Rujukan:

1. *Misykat. Al-Albani(1/61)*
2. *Meluruskan Kesalahfahaman Dakwah Salafiyah. Muhammad Nasiruddin Al-Albani. Hlm.37.*
3. *Syarah As-Sunnah. Al-Barbahaari.*
4. *As-Sifat al-Ilahiyah. Muhamad Aman Ibnu Ali Al-Jami. (1408H) Hlm.101.*
5. *Manhaj Ulama Al-Hadis Wa Sunnah Fi Usul Ad-Din. Dr. Mustafa Helmi.Darul Ad-Dakwah.Iskandariah.(1982M). Hlm.117.*
6. *Ibid.Hlm.120*
7. *Koreksi Aqidah Anda dengan Pemahaman Salaf(Takliq ala al-aqidah al-wastiyah) oleh Muhammad bin shalih al-Utsaimin.) terjemahan Sarlam al-Atsary. Bogor*
8. *Ar-Rad alal Jahmiyah wa-Zanaadiqah oleh Imam Ahmad Hanbal (241H) Hlm.44.*
9. *Ibid.46*
10. *Imam Adh-Dhahabi dalam As-Siyar(11/174-176)*
11. *Majmuk Risalah Al-Jami Fil Aqidah was Sunnah.Dr.Muhammad Ali Al-Jami. Dar Ibnu Rajab. Al-Madinah.(1993M). Hlm.45.*
12. *Ibid. Hlm.51*
13. *Imam Adh-Dhahabi dalam As-Siyar(11/174-176)*
14. *Imam Adh-Dhahabi dalam As-Siyar(11/174-176). Lihat www.Asharis.com .As-Sifat al-Ilahiyah. Ibid.Hlm.270.*
15. *Tawdhih At-Tawhid Al-Asyairah oleh Hussein Misri. Juz2,Hlm.38.*
16. *Ar-Rad alal Jahmiyah wa-Zanaadiqah.Ibid. Hlm.30.*
17. *As-Sifat al-Ilahiyah. Muhamad Aman Ibnu Ali Al-Jami. Ibid.Hlm.271.*


Nota :

Pada haqiqatnya al-Asyairah adalah pengikut Al-Kullabiyah tetapi dinisbahkan kepada Imam Al-Asy'ari kerana Imam al-Asy'ari telah mengikut ajaran al-Kullabiyah sebentar waktu di Basra sebelum beliau berhijrah ke Bagdad untuk menjadi pengikut Imam Ahmad Hambal rhm. Pada masa itu pengikut al-Kullabiyah menetapkan sifat Uluwu (ketinggian) kepada Allah s.w.t. dan menetapkan sifat zat seperti tangan, mata, kaki dan wajah. Kerana nama Imam Abu Hasan lebih masyhur daripada Ibnu Kullab, nama Imam Al-Asy'ari telah melekat kepada pengikut Kullabiyah..

Pengikut Al-Asya'irah pada zaman kebelangkangan mempunyai beberapa berubahan fahaman. (Majmuk Risalah Al-Jami Fil Aqidah was Sunnah.Ibid. Hlm.166). Umpamanya mereka kembali kepada fahaman Al-Jahmiyah yang menafikan i) Uluwu Allah Taala di atas arasyNya. ii). Menolak sifat zat kepada Allah. Firqah al-Jahmiyah ,

al-Muktazilah dan al-Asya'irah sebenarnya mempunyai asas yang sama. Iaitu jika terdapat pertentangan akal dengan nas, akal dikehadapankan. Mereka semua melakukan takwil atas sifat-sifat Allah Taala dan semua mereka menolak sifat fi'il (perbuatan) Allah Taala. Manhaj mereka secara asasnya adalah bertentangan dengan manhaj para Sahabat ra.

Wa Allahu 'alam.